

→ BISNES

Cabaran lahirkan modal insan berdaya saing depan Industri 4.0



Md Riyadh Dahalan
Ketua Khidmat Pelabur, InvestKL



InvestKL memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang antara industri dan akademik bagi tujuan mewujudkan kelompok tenaga mahir peringkat global yang boleh diserap oleh syarikat multinasional”

InvestKL diwujudkan oleh kerajaan untuk menarik syarikat multinasional global terbaik dan terbesar dunia untuk menubuhkan hab serantau mereka di Greater Kuala Lumpur.

Syarikat multinasional global ini membawa bersama teknologi dan kecerdasan pintar yang terancang bagi maksud mengakses dan menawan pasaran ASEAN atau Asia Pasifik yang kian kompetitif.

Hakikat pasaran dunia yang kian kompetitif ini menjerus kepada keperluan untuk memperbaharui kitaran teknologi dengan lebih cepat tanpa menaku kepada kos R&D yang besar.

Oleh yang demikian, syarikat global ini perlu mengurangkan kebergantungan kepada modal insan dan mengaplikasikan kepintaran tiruan bagi mengambil alih sebahagian tugas manusia.

Fenomena inilah yang kini dikenali sebagai revolusi Perindustrian 4.0.

Sejak diperkenalkan di Jerman pada 2011, istilah Industri 4.0 terus menjadi perdebatan hangat di antara perindustrian, cendekiawan dan juga ahli akademik.

Pada masa depan, sebahagian kerja yang ada pada hari ini akan pupus. Industri 4.0 bermakna evolusi digital dalam proses pengilangan yang disepadukan dengan pengesanan termaju, komunikasi mesin-ke-mesin, percetakan 3D, robotik, kecerdasan pintar, analisis data besar dan teknologi perkomputeran awan.

Cabaran revolusi

Evolusi ini bermakna pasaran kerjaya pada masa hadapan haruslah menjurus kepada jenis tugas yang memerlukan kepintaran emosi dan kreativiti melebihi kepintaran intelek.

Cabaran revolusi ini sudah memaksa kita untuk bertindak malah dengan cepat. Malah, berdasarkan kajian yang dijalankan di bawah TN50 menunjukkan 65 peratus pekerjaan dalam negara hari ini berisiko tinggi untuk digantikan dengan kecerdasan pintar menjelang 2050.

Justeru, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) serta Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) kini dalam proses untuk merangka dasar kebangsaan Industri 4.0.

Ya bagi memastikan langkah yang diambil dalam melahirkan graduan bermutu dan mem-

bentuk modal insan sesuai untuk masa depan yang efisien, cekap dan berdaya saing.

Sememangnya kerajaan perlu mengolah perancangan dalam memperkasa segmen penjenjeraan, automasi dan robotik dalam memperhebat lagi inisiatif TN50 ini.

Perubahan mendadak ini juga memerlukan perubahan sistem pendidikan yang kritikal. Berdasarkan angka 2015, hanya separuh daripada graduan Malaysia diambil bekerja selepas meninggalkan universiti manakala suku lagi kekal menganggur untuk enam bulan dan lebih.

Antara puncanya ialah perbezaan apa yang dipelajari dan skil sebenar diperlukan majikan. Secara holistiknya, sistem pendidikan (peringkat rendah dan universiti) perlu selari dengan perubahan dunia.

InvestKL rapatkan jurang

Sebab itu, InvestKL memainkan peranan penting dalam mengurangkan jurang antara industri dan akademik bagi tujuan mewujudkan kelompok tenaga mahir peringkat global yang boleh diserap oleh syarikat multinasional.

Banyak kerjasama antara syarikat antarabangsa dan universiti dianjurkan bagi tujuan terbabit seperti syarikat terkemuka Amerika Syarikat (AS), Honeywell yang menganjurkan Program Honeywell Educator yang menggalakkan pembelajaran mata pelajaran STEM dalam kalangan pelajar tempatan.

Honeywell juga bekerjasama dengan agensi kerajaan, MIGHT bagi memelopori usaha menyediakan pelajar dan graduan tempatan untuk Industri 4.0.

Begitu juga usaha yang dijalankan oleh syarikat IBM yang bekerjasama dengan beberapa universiti tempatan di dalam usaha melahirkan ‘graduan berkemahiran teknologi generasi hadapan’.

Dalam usaha menarik pelaburan bermutu tinggi daripada syarikat multinasional global ini, Greater Kuala Lumpur harus menyediakan nilai tarikan dari segi modal insan bermutu tinggi, ekosistem teknologi yang berkesan dan sebagainya.

Justeru, pelan jangka panjang harus diolah secepat mungkin bagi memungkinkannya Greater KL kekal kompetitif bagi terus menarik pelaburan untuk tahun yang akan datang.

Sektor koperasi mahu insentif pacu pertumbuhan



Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa) berharap Bajet 2018 yang akan dibentangkan tidak lama lagi dapat memberi pelbagai insentif dan inisiatif kepada sektor koperasi dalam merangsang pertumbuhan perniagaan koperasi di negara ini.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata kerajaan juga diharap dapat menyediakan dana pembangunan perniagaan untuk koperasi yang ingin menceburi perniagaan besar selain peluang perniagaan kepada koperasi dalam usaha menjayakan perniagaan yang lebih besar.

“Kami juga berharap kadar cukai koperasi sekarang iaitu sebanyak 24 peratus dapat diturunkan kepada 21 peratus kerana kita juga perlu menyumbang tiga peratus untuk Tabung Pembangunan dan Pendidikan Koperasi yang menjadikan kadar cukai keseluruhan sebanyak 27 peratus.

“Jumlah 27 peratus itu tinggi. Jadi saya harap kadar cukai koperasi itu dapat dikurangkan kerana dengan pengurangan cukai ini akan membolehkan pihak koperasi menggunakan lebih wang itu untuk pembangunan kope-

rasi,” katanya kepada pemberita di Alor Setar.

Tambah peruntukan kepada RM500 juta

Abdul Fattah berkata, pengurangan cukai itu juga dapat menjana semula pendapatan bagi membolehkan Angkasa mengembangkan 13,428 sektor koperasi yang ada di seluruh negara.

Selain itu, Angkasa turut berharap kerajaan dapat menambah peruntukan Tabung Modal Pusingan Perniagaan Koperasi kepada RM500 juta supaya koperasi boleh menjalankan perniagaan yang menguntungkan anggotanya.

Terdahulu, beliau merasmikan Seminar Tadbir Urus Cukai dan Integriti Sektor Koperasi di TH Hotel and Convention Centre yang dihadiri 460 peserta dari Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis.

BERNAMA

[FOTO SHARUL HAFIZ ZAM/BH]



Abdul Fattah (kanan) bersalaman dengan peserta pada Seminar Tadbir Urus Cukai dan Integriti Sektor Koperasi di TH Hotel and Convention Centre di Alor Setar.